

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : -

SOALAN

Dr. Ko Chung Sen minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

- (a) jumlah dan peratusan kuasa yang dijana oleh tenaga yang boleh diperbaharui di negara ini dari tahun 2010 hingga ke tahun 2015 dan unjuran untuk tahun 2020; dan
- (b) bilangan dan peratusan kenderaan hibrid dan elektrik dari tahun 2010 hingga ke 2015 dan unjuran menjelang tahun 2020, dan jumlah pelepasan yang dapat dikurangkan oleh tenaga boleh diperbaharui.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada ketika ini, kuasa atau bekalan elektrik yang dijana daripada sumber tenaga boleh baharu adalah ditampung kebanyakannya melalui mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) yang telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011. Di bawah mekanisme ini, lima (5) sumber tenaga boleh baharu (TBB) telah dikenal pasti layak untuk mendapat kadar FiT iaitu biomas daripada sisa pertanian dan sisa pepejal, biogas, hidrokuasa kecil, solar PV dan geoterma.
2. Jumlah dan peratusan penjanaan elektrik daripada sumber TBB di bawah mekanisme FiT sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di Jadual 1 manakala unjuran sehingga tahun 2020 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 1 : Pencapaian TBB sehingga 31 Disember 2015

Bil	Sumber TBB	Kapasiti (MW)	Peratus (%)
1.	Biogas	18.23	5.48
2.	Biomasa	74.90	22.51
3.	Mini Hidro	18.30	5.50
4.	Solar PV	221.33	66.51
Jumlah		332.76	100

Jadual 2 : Unjuran TBB 2015-2020

Sumber / Tahun (MW)	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Biomas	330	410	500	600	700	800
Biomas Sisa Pepejal	200	240	280	310	340	360
Biogas	100	125	155	185	215	240
Hidrokuasa kecil	290	350	400	440	470	490
Solar PV	65	84	105	129	157	190
Geoterma			30			
Jumlah (MW)	985	1,209	1,470	1,694	1,912	2,110

3. Bagi menjawab soalan berhubung kenderaan hibrid dan elektrik, terdapat sejumlah 44,563 kenderaan hibrid dan 1,072 kenderaan elektrik yang telah didaftarkan untuk tempoh 2010 hingga 2015. Jumlah ini mewakili sebanyak 0.64 peratus bagi kenderaan hibrid

dan 0.02 peratus bagi kenderaan elektrik berbanding dengan jumlah kenderaan yang didaftarkan bagi tempoh tersebut.

4. Bilangan kenderaan hibrid dan elektrik dari tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti di Jaduai 3.

Jaduai 3 : Bilangan dan Peratusan Kenderaan Hibrid dan Elektrik Tahun 2010-2015

TAHUN	KENDERAAN ELEKTRIK	% BERBANDING JUMLAH KESELURUHAN KENDERAAN BERDAFTAR	KENDERAAN HIBRID	% BERBANDING JUMLAH KESELURUHAN KENDERAAN BERDAFTAR
2010	-	-	138	0.01
2011	275	0.02	4,702	0.41
2012	183	0.01	8,772	0.71
2013	193	0.02	13,506	1.2
2014	291	0.02	7,691	0.63
2015	130	0.01	9,754	0.85

5. Berdasarkan *National Key Economic Area (NKEA) EPP 18: Electrical dan Electronics*, Kerajaan mensasarkan sebanyak 10 peratus daripada semua kenderaan yang akan berada di jalan raya menjelang tahun 2020 adalah kenderaan elektrik.
6. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, KeTTHA dengan kerjasama *Malaysia Green Technology Corporation* melalui Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik akan terus menerajui pembangunan

kenderaan elektrik di Malaysia khususnya dalam penyediaan infrastruktur stesen pengecas, penyediaan tenaga mahir, mewujudkan ekosistem kenderaan elektrik dan memperluaskan pasaran kenderaan elektrik di Malaysia. Inisiatif ini akan mampu menggalakkan pertumbuhan kenderaan elektrik dan meletakkan Malaysia sebagai hab utama bagi mobiliti elektrik di rantau ini. Baru-baru ini kerajaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian duti eksais dan duti import bagi 100 buah kenderaan elektrik sebagai langkah permulaan.

7. Anggaran jumlah pelepasan *Green House Gas* (GHG) yang dikurangkan oleh TBB melalui mekanisme FiT sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 3,385,048.52 MtCO₂ eq.
